

KEDATANGAN ISLAM DI CHINA



Objek: - Peta Perdagangan Rempah: Rasa dan Perdagangan di Dunia Islam, terbitan Emanuel Bowen.
IAMM 2005.2.9

Penerangan: - Peta ini menggambarkan kawasan perdagangan rempah yang merangkumi keseluruhan China dan Asia Tenggara.

Sejarah ketibaan Islam di China bermula melalui dua jalan yang utama iaitu melalui jalan laut dan jalan darat. Melalui jalan laut, Islam datang bersama-sama dengan para pedagang dan pelaut dari Asia Tenggara terutamanya mereka yang sering berdagang di negara-negara di sepanjang jalur 'Laluan Rempah'. Mereka banyak melabuhkan kapal-kapal mereka di pelabuhan-pelabuhan besar yang terletak di wilayah perairan selatan seperti di Wilayah Guandong dan Wilayah Fujian. Islam tiba melalui jalan darat pula melalui pedagang-pedagang yang menggunakan 'Laluan Sutera'. Laluan ini merentasi Asia Tengah dan membawa para pedagang Islam yang datang dari arah barat laut untuk ke China.

Tiada tarikh tepat yang mencatatkan bila tibanya Islam di China berkemungkinan sekitar tahun 649. Walau bagaimanapun, terdapat sumber yang menjadi rujukan utama dalam perkara ini. Perkara ini tercatat dalam rekod Dinasti Tang yang menceritakan tentang satu rombongan yang dihantar oleh Khalifah Uthman. Rombongan ini diketuai oleh Sa'ad ibn Waqas yang bertujuan untuk mengadap Maharaja Tang, iaitu Maharaja Gaozong. Rombongan persahabatan yang dihantar ini seterusnya diraikan dengan jalinan persahabatan yang menjurus kepada pembinaan sebuah masjid di Canton.

Bandar ini lebih dikenali sebagai Bandar Guangzhou, ibu kota Wilayah Guandong. Kini, terdapat 10 etnik minoriti Islam di China. Kebanyakan umat Islam China tinggal di kawasan pentadbiran autonomi di bahagian barat kawasan China kecuali segelintir daripada mereka yang tinggal berselerakan di seluruh China.

Terdapat juga satu lagi catatan yang menceritakan titik ketibaan Islam di China. Catatan ini menceritakan bahawa Islam di China itu bermula pada era Dinasti Tang. Ketika zaman pemerintahan Maharaja Wu-Ti ini, terdapat empat orang pendakwah yang dikenali sebagai Saad bin Abdul Qais, Kai-Su (Qais bin Hudhafah), Wu-Ai-Su (Urwah bin Abi Uthman) dan Wan Kossu (Abu Qais bin Al-Harit) yang banyak menjalankan kerja-kerja pendakwaan pada ketika itu.

Hubungan diplomatik antara kerajaan-kerajaan Islam dan dinasti-dinasti di China juga turut menjadi penyumbang kepada penyebaran Islam di China. Hubungan diplomatik ini dapat dilihat di antara Khalifah Bani Umaiyyah dan Maharaja Tang Xuan Zong (Dinasti Tang) yang dicatatkan pada tahun 725M dengan lawatan Duta Sulaiman (duta tercatat sebagai 'dashi' dalam rekod-rekod Maharaja Tang) ke China.

Antara bukti perkembangan Islam di China dapat dilihat apabila wujudnya ilmuan Islam yang terkenal pada abad ke-15 ketika Dinasti Qing. Beliau bernama Liu Zhi. Beliau banyak menghasilkan buku-buku yang membincangkan falsafah, tauhid dan sirah Nabi Muhammad SAW. Karya terulung beliau, *Tien Fan Hsing Li*, membincangkan ilmu tentang keesaan Allah s.w.t. Ma Hua Lung jua merupakan salah seorang ilmuan yang terkenal pada Dinasti Qing. Ma Hua-Lung merupakan seorang pemimpin masyarakat Islam di China yang berjaya menjadikan Chin Chi Pu sebagai pusat perkembangan Islam.

Disamping itu, terdapat juga buku yang bertajuk "*Ying Yai Syeng lan: The Overall Survey of The Ocean's Shores*" yang dihasilkan oleh Ma Huan yang menceritakan tentang ekspedisi pelayaran khazanah yang dipimpin Laksamana Cheng Ho dari Dinasti Ming.

Secara keseluruhannya, Islam di China berkembang seiring dengan perkembangan perdagangan dunia yang giat menggunakan dua laluan utama, iaitu 'Laluan Rempah' dan 'Laluan Sutera'. Ajaran Islam yang bersifat sejagat serta membawa mesej keamanan dan kesejahteraan mengizinkannya untuk bertapak di China dan seterusnya berkembang dengan meluas.

Rujukan :

- Buku Rahsia Islam di China: Gemilang disebalik Tembok Besar (2008). Penerbit: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Penulis: Ann Wan Seng.
- Buku Mencari Islam di China (2010). Penerbit: Must Read Sdn Bhd. Penulis: Ann Wan Seng.
- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia: Galeri China aras 1

Skrol Kaligrafi, China



Objek:- Skrol Kaligrafi Lanzhou,China
2001 M /1421 H
69cm x 172 cm.
IAMM 2001.1.139

Penerangan:- Kaligrafi dalam Bahasa Arab dengan gaya seni China ditulis di atas kertas dengan empat cap mohor berwarna merah.

Nota:- Objek ini mengandungi teks keagamaan. Sila kendalikan dengan cermat. Antara kandungan yang terdapat di dalam skrol ini ialah: "Sesungguhnya agama yang berada di sisi Allah itu adalah Islam", sabda Nabi Mubammad S.A.W "Terbinanya Islam itu di atas lima perkara."

Kaligrafi menggunakan berus ini merupakan bentuk seni yang berakar-umbikan kebudayaan masyarakat China, Korea dan Jepun. Kaligrafi seperti ini akan dilukis di atas kertas atau lembaran kain sutera. Gaya tulisan ini dikenali sebagai Gaya tulisan 'Sini' (rujuk gambar). Hasil karya ini juga sering kali dipersembahkan dalam bentuk melintang atau dalam bentuk menegak yang mana ia mulai ditulis dari bahagian kanan. Sebahagian daripada hasil karya ini boleh mencapai sehingga 100 kaki panjang. Gulungan skrol ini akan dibentangkan dari kanan ke kiri, sedikit demi sedikit untuk digantung pada dinding.

Lukisan skrol Islam Cina ini mempamerkan Islam sebagai agama sejagat. Islam dapat dilihat sebagai agama yang menyeluruh sesuai untuk semua jenis etnik, demografi dan geografi pengikut-pengikutnya yang terdiri daripada kepelbagaian bangsa dan negara yang hampir merangkumi semua penduduk di setiap pelusuk dunia. Umat Islam berpegang pada kepercayaan yang sama yakni konsep Tauhid (tiada Tuhan yang lain melainkan Allah s.w.t). Masyarakat Islam di China kekal melakukan aktiviti harian mengikut adat resam mereka sejak dahulu selagi mana tidak melanggar asas ajaran Islam. Toleransi dalam agama Islam melahirkan beberapa karya dengan pengaruh tempatan seperti yang dapat dilihat pada skrol di muzium ini.

Seni khat Islam merupakan salah satu warisan kebudayaan yang masyur dalam kedua-dua budaya Islam dan Cina. Seni khat Islam telah wujud sejak pemerintahan Dinasti Yuan (abad ke-14 H / abad ke-8 H) di China. Tulisan-tulisan seni khat Islam Cina boleh diklasifikasikan kepada lima jenis. Jenis yang pertama adalah tulisan Writ Kehormat (tulisan Bang Shu), yang kedua, tulisan Tu ma ri, ketiga tulisan tiruan Maharaj Han, keempat lukisan huruf-huruf Al- Quran, dan yang kelima ukiran tulisan Arab. Antara tulisan Islam yang popular di China adalah Diwani, Thuluth dan Sini.

Contoh terawal tulisan Sini adalah dari Dinasti Ming dan boleh didapati di mihrab Masjid Niujie di Beijing dan Masjid Dingxian di Wilayah Hebei. Perkataan Arab juga berubah menjadi kaligram seperti dalam bentuk tumbuh-tumbuhan, pasu, buah-buahan, bunga-bunga, atau pedang. Setiap kaligram ini mempunyai maksud yang tersendiri dalam budaya masyarakat Cina. Sebagai contoh, skrol yang mengandungi kaligram buah pic membawa maksud panjang umur. Format skrol memberikan peluang kepada penulis khat untuk meluahkan kesetiaan mereka kepada Islam. Penulis khat Cina menggemari ayat Al-Quran, *Shahadah*, *Basmalah* dan 99 nama Allah SWT.

Selain daripada mengekalkan elemen Cina, skrol ini turut menjadikan kaligrafi Islam sebagai motif utama mereka dan kaligrafi juga merupakan ciri utama dalam kesenian Islam. Apa yang penting adalah pemilihan ayat – ayat suci atau yang berunsurkan fahaman Allah s.w.t yg satu (ketuhanan yang satu) untuk menghias skrol-skrol ini adalah untuk menampilkan keesaan Tuhan. Bentuk persembahan ini merupakan manifestasi Islam yang menyeluruh walaupun pengikut-pengikutnya datang daripada pelbagai latar belakang. Fenomena ini sejajar dengan tema kesenian Islam kepelbagaian dalam kesatuan.

Rujukan :

- Buku *Six Centuries of Islamic Arts in China* (2001) Penerbit: Museum of Cultural Palace of Nationalities, Beijing, North West Minotities University, Lauzhou & Islamic Arts Museum Malaysia.
- *Network Barme'* (2012 September) *The China Critic*, China Heritage Quaterly, <http://www.chinaheritagequarterly.org>

Tugasan Intelek :

1. Kecemerlangan dan kegemilangan tamadun Islam China dalam bidang kaligrafi pada masa lampau didorong oleh beberapa faktor. Bincangkan
2. Hasilkan satu kaligrafi dengan menggunakan berus.

اهلا وسهلا

Al-Quran 30 Juzuk Dinasti Ching



Objek:- Al-Quran Dinasti Ching
China, Sekitar Abad ke 17M
1998.3.50

Penerangan:- Al-Quran ini ditulis satu juzuk di dalam senaskhah dan mempunyai 30 juzuk lengkap.

Nota:- Teks ini mengandungi teks keagamaan, sila kendalikan dengan cermat. 'Al-Quran yang dijilid dalam 30 juzuk berasingan ini ditulis dengan banya tiga ke lima baris ayat pada setiap balaman untuk setiap juzuk yang menjadikannya lebih mudah untuk dibawa terutamanya pada bulan Ramadhan.'

Seni khat Quran Cina sangat dikenali dengan keanggunan gaya, kelancaran dan keseimbangan tulisannya. Tulisan Islam China pada awalnya bermula dengan gaya tulisan Naskh dan Thuluth yang kemudiannya dipengaruhi gaya tulisan kaligrafi tradisional Cina. Gaya tulisan ini akhirnya berkembang menjadi seni khat yang tersendiri. Hal ini kerana, pada ketika itu penulis khat Cina merasakan tulisan Arab tidak mempunyai bentuk dan corak yang mereka kehendaki lalu terhasilah tulisan khat berbentuk abstrak yang dipengaruhi oleh nilai estetik Cina yang membenarkan penghasilan imej gambar yang dibentuk dengan tulisan ayat suci.

Maka, berkembanglah tulisan khat Cina seperti yang sedia ada sekarang. Justeru itu, hasil seni ini telah menghasilkan pelbagai hasil karya di mana hampir keseluruhannya adalah seni khat ayat-ayat suci Al-Quran

yang digayakan dalam bentuk kipas, bunga-bunga atau simbol-simbol kepercayaan masyarakat Cina yang membawa tuah.

(Rujuk gambar) Juzuk-juzuk ini berasal dari set 30 juzuk Al- Quran yang lengkap. Al-Quran di negara China secara tradisi kebanyakannya ditulis secara berasingan yakni satu buku bagi setiap satu juzuk. Setiap juzuk dijilid dengan motif China menggunakan dakwat warna emas dan disaluti varnis berwarna merah pulasan. Ayat-ayat Al-Quran pula ditulis dengan gaya tulisan Sini menggunakan dakwat hitam dengan penanda ayat yang berwarna-warni dan emas. Terdapat hiasan bercorak di atas beberapa muka surat, dengan ciri-ciri reka corak China dalam bentuk motif skrol awan dan bunga teluki. Set yang berkualiti tinggi ini kemungkinan dimiliki oleh orang ternama atau bangsawan.

Illuminasi selalunya digunakan dalam perhiasan Al-Quran. Sebagai sebuah kitab suci, Al- Quran akan dihiasi dengan hiasan yang mewah dan ini merupakan hal yang sangat ditekankan oleh pakar iluminasi Al-Quran ketika menjilid Al -Quran. Al- Quran merupakan kitab suci umat Islam dan diangkat sangat tinggi oleh orang Islam. Oleh itu, untuk mengwujudkan rasa hormat yang tinggi terhadap kitab ini, para ilmuan iluminasi akan menghias Al- Quran dengan hiasan yang mewah.

Bahagian yang sering kali dihiasi dengan iluminasi di dalam A-Quran adalah pada dua muka hadapan yang pertama. Untuk menghias, pakar iluminasi Cina Muslim memberi penekanan kepada reka corak yang berdasarkan tumbuh-tumbuhan, corak geometri dan motif awan larat; dan dicantikkan lagi dengan jenis cat *gouache* dan cat pigmen emas.

Rujukan :

- Artikel Tamadun China: Penerimaan dan Sumbangan Kepada Sains Islam (2018). Penulis: Mohamad Fauzi Mohd Esa, Muhammad Syukri Abdul Samad, & Siti Suhaila Ihwani
- Buku *Six Ceturies of Islamic Art in China* (2001) Penerbit : Museum of Cultural Palace of Nationalities, Beijing, North West Minorities University, Lauzhou & Islamic Arts Museum Malaysia
- Buku *Qur'an Manuscripts (Calligraphy, Illumination, Design)* (2007) Penerbit : British Library 2007, Penulis : Colin F. Baker

Tugas Intellek:


1. Ragam hias China Islam mempunyai satu keunikan dan yang tersendiri. Huraikan.
2. Pengaruh Islam di China masih mengekalkan tradisi motif China yang telah wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Berinspirasi seni ragam hias China, hasilkan lembaran ragam hias yang menggunakan motif China yang menarik.



Contoh ragam hias Al-Quran China



Contoh ragam hias Al-Quran Melayu



Contoh ragam hias Al-Quran India

Porselin Biru dan Putih, China



Objek: Bekas Air
IAMM 2012.10.54

Penerangan: (Porselin Biru-dan-Putih, China)
– Abad ke 18 M / 12 H. – bekas air ini berbentuk seperti buah pear dengan penutup logam yang disaluti emas. Terdapat ukiran empat menara dengan bulan sabit diatas penutup bekas air ini.

Nota:- Artifak ini dibiasi dengan motif flora padanya.

Seramik jenis ini mendapat permintaan yang tinggi kerana kehalusan teknik dan keunikan warnanya; warna biru lembut menyerlah di atas porselin yang berwarna kuning. Namun begitu, bekalan kobalt yang terhad menjadikan ianya sebagai bahan yang mendapat permintaan yang tinggi. Lantas, harga melonjak naik dan menjadi eksklusif.

Walaupun kawasan tempatan mempunyai lombong bijih kobalnya yang tersendiri namun ianya mempunyai kualiti yang berbeza. Kobalt Cina mengeluarkan warna biru kekelabuan yang kurang menarik dek kandungan mangan yang tinggi. Pembuat tembikar mengambil masa yang lama untuk mengatasi masalah ini. Akhirnya, mereka mendapati bahawa campuran tiga bahagian kobalt import dan dua bahagian bijih tempatan akan menghasilkan warna biru lembut yang cantik. Hasil ini dikenali sebagai 'Biru Muhammad'.

'Biru Mohammad' ini banyak digunakan dalam pembuatan seramik China dan dikenali sebagai "Porselin biru-dan-putih". Seramik jenis ini merupakan tembikar putih yang dihiasi dengan campuran sepuh biru dan pigmen biru-kobalt oksida. Hiasan ini biasanya diterap dengan tangan, secara penstensilan atau cetak pindah. Sejak separuh kedua abad ke-14 dan awal abad ke-15 Masihi, porselin biru-dan-putih ini adalah corak yang paling banyak menunjukkan pengaruh Islam. Dihasilkan di Tanur empayar di Jingdezhen, China Selatan; kebanyakan porselin biru-dan-putih ini dipengaruhi oleh reka bentuk dan ragam hias Islam yang diambil dari barangan logam dan kaca dari dinasti Mamluk dan Parsi serta barangan daripada Asia Tenggara.

Teknik penghiasan biru kobalt ini dipercayai berasal dari Timur Tengah pada abad ke-9 melalui eksperimen

menghias porselin putih. Pigmen biru kobalt digali dari lombong-lombong di tengah Iran dan kemudian dieksport sebagai bahan mentah ke negara China melalui laluan Sutera.

Pada awal abad ke-14, pengeluaran porselin biru-dan-putih yang halus dan lut cahaya bermula di Jingdezhen, "Pusat Porselin China", secara besar-besaran. Perkembangan ini disebabkan oleh gabungan perdagangan Islam dan teknik China. Pigmen kobalt biru ini dianggap sebagai komoditi yang berharga kerana nilainya sekitar dua kali ganda nilai emas. Perhiasan motif seramik ini diilhamkan dari perhiasan Islam. Ia menjadikan tembikar biru-dan-putih ini sesuai dihantar ke pasaran Asia Barat Daya melalui peniaga-peniaga Muslim yang bertapak di Guangzhou.

Tembikar biru-dan-putih Cina menjadi sangat masyhur di Timur Tengah bermula dari abad ke-14, di mana kedua-dua jenis hasil seni Cina dan Islam meningkat naik seiring bersama. Reka hiasan Cina, seperti burung jenjang, naga dan bunga teratai mulai muncul dalam pengeluaran seramik di Timur Dekat sejak abad ke-13 terutamanya di Syria dan Mesir.

Porselin China dari abad ke-14 atau 15 juga turut dihantar ke Timur Tengah dan negara-negara Balkan terutamanya ke Empayar Uthmaniyyah, sama ada dalam bentuk hadiah atau harta rampasan perang. Ragam hias China sangat berpengaruh di kalangan tukang tembikar di Iznik, Turki. Motif 'anggur' pada zaman Dinasti Ming sangat masyhur dan juga digunakan dengan meluas oleh Empayar Uthmaniyyah. Pertembungan budaya di antara China dan rantau eksportnya terutamanya empayar Uthmaniyyah dan Parsi dapat dilihat apabila porselin biru-dan-putih seperti kendi dan perenjis air mawar ditambah dengan lekapan logam dan batu permata seperti batu delima.

Rujukan :

- Buku *Six Centuries of Islamic Arts in China* (2001) Penerbit: Museum of Cultural Palace of Nationalities, Beijing, North West Minotities University, Lauzhou & Islamic Arts Museum Malaysia.
- Buku *Blue and White: Chinese Porcelain Around the World* (2007) Penerbit : British Museum Press 2007.
- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia: Galeri China Aras 1.

Penghasilan seramik Cina Islam berkembang maju di bawah naungan Dinasti Ming, dari pemerintahan Maharaja Yongle (1403 - 1424M) sehingga ke kemuncaknya di zaman pemerintahan Maharaja Zhengde (1506 -1521 M). Artifak Cina Islam menggabungkan ciri-ciri kebudayaan Cina dengan tradisi Islam. Contohnya, ayat-ayat Quran dikekalkan dalam skrip Arab tetapi ditulis dengan menggunakan berus kaligrafi Cina. Artifak akan dihias dengan motif tradisional Cina seperti bunga teluki (*peony*), bunga teratai dan motif awan larat. Pelbagai objek yang dihasilkan semasa zaman Dinasti Ming dan Qing boleh dikenali daripada motif-motif ini.

Perluasan kawasan perdagangan Dinasti Ming telah memperkenalkan kobalt oksida dari Iran ke negara China. Pembuat tembikar Islam mengubahsuai hasil import ini dengan kaedah pengisaran, daripada bongkah padat kepada serbuk pigmen. Dengan kelebihan serbuk pigmen ini, ianya dapat dilukis terus di atas tembikar sebelum ia diglis dan dibakar.

Tugas Intellek

1. Porselin biru dan putih China menjadi satu produk yang terkenal di dunia Islam pada suatu ketika dulu. Huraikan tentang perbezaan porselin yang dihasilkan oleh China berbanding negara lain.
2. Sebagai seorang pelajar, umum mengetahui perdagangan merupakan salah satu cara penyebaran agama Islam di China. Sekiranya anda seorang pedagang, rancangkan satu produk yang mampu menarik komuniti dari seluruh dunia dari tempat anda?